

16/06/1999

Pembekuan pesaraan awal patut dikaji semula

Syed Abdullah Syed Osman

SYABAS kepada kerajaan kerana pengalaman dan ketelusan pemimpin yang bijaksana berjaya menyelamatkan negara daripada muflis. Kalaulah kita melatah dan tunduk kepada tekanan, sudah tentu kita termakan pil beracun Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Sebagai rakyat yang benar-benar bertanggungjawab, semua penduduk Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menyelamatkan negara.

Syukurlah! Ekonomi beransur-ansur pulih dari sehari ke sehari dan Insya-Allah apabila menjelang abad 21 nanti kita sudah pun sembuh daripada penyakit apa yang dikata gawat itu. Bagaimana pun kita hendaklah berhati-hati pada masa akan datang agar kita tidak boleh lagi diperalat atau dipergunakan untuk mereka yang mahukan keuntungan melalui kesusahan orang lain.

Kenaikan gaji kepada lima badan berkanun, imbuhan RM100 sebulan selama enam bulan untuk semua kakitangan kerajaan, memberikan wang pendahuluan RM1,000 kepada pelajar yang mula melanjutkan pelajaran di pusat Pengajian Tinggi, saham-saham mula menampakkan kenaikan adalah antara tanda-tanda menunjukkan ekonomi beransur-ansur pulih seperti biasa. Oleh yang demikian saya rasa pembekuan ganjaran kepada orang yang berhasrat untuk bersara pilihan awal apabila genap umur 50 tahun diberikan semula seperti biasa supaya mereka dapat menggunakan wang itu bagi membuka perniagaan atau perbelanjaan keluarga. Lagipun galakan kepada mereka yang bersara pilihan awal akan dapat menjimatkan kerajaan dalam jangka panjang kerana seseorang kakitangan yang bekerja lebih daripada 25 tahun sudah tentu dibayar gaji yang lebih tinggi.

Adalah menjimatkan apabila kakitangan baru yang diambil bekerja kerana gaji mereka lebih jauh rendahnya daripada kakitangan yang lama berkhidmat.

Saya berkeyakinan bahawa rakyat Malaysia masih setia kepada pucuk pimpinan kerana berjaya membawa Malaysia maju begitu pesat. Rakyat tidak boleh menidakkan kenikmatan yang diterima selama ini. Rakyat tidak ada pilihan kerana tampuk kerajaan yang ada sekarang membela nasib mereka selama ini.